

<b>Headline</b>	<b>Banjir: JKM nasihat penduduk diarah pindah patuh arahan</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Utusan Borneo Sarawak</b>		
<b>Date</b>	<b>19 Sep 2024</b>	<b>Color</b>	<b>Black/white</b>
<b>Section</b>	<b>News</b>	<b>Circulation</b>	<b>31,034</b>
<b>Page No</b>	<b>10</b>	<b>Readership</b>	<b>93,102</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>153 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 570</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily (EM)</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 1,711</b>



## Banjir: JKM nasihat penduduk diarah pindah patuh arahan

**PENDANG:** Penduduk yang terjejas banjir dinasihatkan supaya berpindah ke pusat pemindahan sementara (PPS) jika diarahkan berbuat demikian bagi mengelak kejadian tidak diingini.

Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Kedah (JKM) Datuk Zulkhairi Zainol Abidin berkata, mereka tidak perlu risau kerana bekalan makanan, khemah serta kemudahan yang disediakan di PPS lengkap dan

mencukupi.

"Terdapat segelintir penduduk enggan berpindah atas alasan peribadi tetapi jika air naik mengejut mereka di nasihatkan segera berpindah dengan dibantu pasukan keselamatan ke PPS demi keselamatan diri dan keluarga. Kita juga beri jaminan bekalan diperlukan mencukupi dan keadaan di PPS terkawal," katanya ketika ditemui di PPS Rakan Muda Banggol Besi di sini semalam. — Bernama



**DILANCAR:** Kakitangan RedONE Mobile bersama keluarga mereka dan profesional FRIM melancarkan Inisiatif Akar Eko di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, baru-baru ini.